



Baru-baru ini, OCBC Securities telah melancarkan Pek Pelabur Muda bagi menggalak pelajar berjinak-jinak dengan dunia pelaburan. Sempena pelancaran tersebut, satu peraduan 'Cash Trail' dan seminar pelaburan turut diadakan. **SURYANI OMAR** -suryani@nph.com.sg- bertemu dengan beberapa pelabur muda bagi mendapatkan pandangan mereka.

# Pengalaman praktikal lagi berharga bagi pelabur muda

## Acara 'Cash Trail' uji peserta buat keputusan bijak dagang saham

SEDANG kebanyakan pelajar mungkin sibuk menghabiskan masa berehat atau bersiar-siar sempena hujung minggu, mahasiswa Institut Pengurusan Singapura (SIM), Enik Muhammad Khairi Azmi, pula giat menguji kemahirannya melabur.

Enik Muhammad Azmi bersama tiga lagi teman dari SIM adalah antara lebih 300 penuntut dari universiti dan politeknik setempat yang "terlari-lari" serata Singapura bagi menyelesaikan teka-teki dan membuat keputusan pelaburan di Acara Cash Trail.

Acara itu dianjurkan I-Cube dan OCBC Securities sempena pelancaran Pek Pelabur Muda atau *Young Investor Pack (YIP)* oleh OCBC Securities minggu lalu.

"Peraduan yang diadakan amat menyeronokkan walaupun memang memamatkan."  
"Kami terpaksa terlari-lari dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan berjalan kaki atau bas, dan walaupun penat, kami harus menjawab pelbagai soalan."  
"Tetapi ia memberi kami peluang menguji pemahaman kami tentang membuat keputusan pelaburan yang bijak dan berfikir dengan pantas," kata Enik Muhammad Khairi.

Di setiap 'tesen', pasukan harus membuat keputusan untuk pegang, jual atau beli saham berdasarkan skenario yang dibentangkan.

Lantas, walaupun tidak berjaya pulang dengan hadiah wang tunai sebanyak \$1,000 yang ditaja OCBC Securities, pengalaman yang ditimba amat bernilai.

Malah, ia amat berguna kerana beliau memang merancang meluaskan portfolio pelaburannya dengan menyertakan pelaburan dalam pasaran saham.

Enik Muhammad Khairi mula melabur dan merancang kewangannya sejak menjalani perkhidmatan negara (NS).

Walaupun elasan yang diperolehi semasa menjalani NS tidaklah lumayan, beliau tekun mengutipkan sebahagianya bagi hari muka.

Sejauh ini beliau melabur dalam dana amanah serta insurans berkaitan pelaburan (ILP).  
"Walaupun ia bermakna wang yang dapat saya belanjakan tidaklah banyak tetapi saya rasa dalam jangka panjang, saya yang akan meraih keuntungan," kata ia penuntut kursus London School of Economics (LSE) di SIM.

Sebelum menguji minda dalam peraduan 'Cash Trail' itu, Enik Muhammad Khairi telah menghadiri seminar pelaburan yang mengemukakan dua pegawai kanan dari bursa saham setempat, Singapore Exchange (SGX).

"Banyak yang telah saya pelajari di seminar tersebut, terutama mengenai memilih saham syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh, dan tidak terpengaruh dengan ketidakpastian pasaran dalam tempoh jangka pendek," kata Enik Muhammad Khairi.

Bagi Nur Rafifah Safiee, 19 tahun, ia memberinya peluang untuk memahami pasaran saham dengan lebih baik.

"Sebelum ini saya hanya belajar serba sedikit mengenai pelaburan di sekolah, tetapi acara ini memberi satu pendekatan yang lebih praktikal."

"Sekurang-kurangnya apabila



UMUR BUKAN HALANGAN: Usia muda bukan jadi penghalang kepada (dari kiri) Nur Rafifah, Enik Muhamad Zulkarnain, Enik Muhammad Khairi dan Cik Shahila Azlin untuk berjinak-jinak dengan pelaburan.

FOTO: FOTOD: KHALID BABA



SIAPA CEPAT, DIA DAPAT: (Dari kanan) Enik Muhammad Khairi, Enik Kenny Lee, Cik Ng Pei Ru dan Enik Tan Li Quan menguji kemahiran mereka dalam pelaburan dengan menyertai 'Cash Trail'.

saya mahu melabur nanti, saya sudah mempersiapkan diri dengan menggarap konsep asas dan pengetahuan penting," kata Nur Rafifah, pelajar jurusan Pengajian Perniagaan di Politeknik Ngee Ann.

Namun, bukan pelajar bidang perbankan dan perniagaan sahaja yang tertarik untuk mendalami ilmu pelaburan.

Pelajar bidang kejuruteraan seperti Enik Muhamad Zulkarnain Abdul Rahman juga sedar pentingnya memahami asas pelaburan.

"Walaupun saya belum ada sebarang rancangan untuk mula melabur dalam saham, tetapi sekurang-kurangnya saya dapat memimba ilmu."

"Lagipun saya rasa dalam masa akan datang, melabur adalah penting untuk memastikan wang kita dapat tumbuh. Sekadar menyimpan wang di bank tidak dapat meraih pulangan yang tinggi."

**"Walaupun saya belum ada sebarang rancangan untuk mula melabur dalam saham, tetapi sekurang-kurangnya saya dapat memimba ilmu... Lagipun saya rasa dalam masa akan datang, melabur adalah penting untuk memastikan wang kita dapat tumbuh. Sekadar menyimpan wang di bank tidak dapat meraih pulangan yang tinggi."**

- Enik Muhamad Zulkarnain Abdul Rahman.